



AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

e-Lingua

Academy of Language Studies
UiTM Gawangan Pulau Pinang

January 2024

Table of Content



<u>Chief Editor's Desk</u>	<u>2-5</u>
<u>News & Reports</u>	<u>6-19</u>
<u>Language Club News & Reports</u>	<u>20-24</u>
<u>Self-love First</u>	<u>25-32</u>
<u>Travel & Leisure</u>	<u>33-41</u>
<u>Home Garden</u>	<u>42-45</u>
<u>Teaching & Learning</u>	<u>46-54</u>
<u>Lecturer's Contribution</u>	<u>55-72</u>
<u>Creative Corner</u>	<u>73-83</u>
<u>The Team</u>	<u>84</u>

from the

LECTURERS



Tossing Yee Sang

58

Mastering the art of netball

59

My Switzerland trip

61

Harga sebutir "painkiller"

62

Noël


65

Kembara karomah

66

Menangani tekanan di kalangan ibu bekerja

71



66 Kembara Karomah, 9 September 2023 – 25 September 2023

Oleh Melati Desa

Pengenalan


Kata ahli bijak pandai 'jemputan ke syurga itu bukan pilihan', maka kata ana pula, 'humbanan ke neraka juga pastinya bukan pilihan', benarkah telahan ana ini? Jawapannya ana anggap berlapis bentuknya, begini: Allah menaikkan taraf manusia berbanding malaikat yang hanya menurut perintah tanpa pilihan. Sedangkan manusia diberikan pilihan berpandukan nafsu dan diseimbangkan dengan akal. Pertimbangan akal yang waras inilah akan membimbing manusia sama ada memilih untuk ke neraka atau ke syurga. Walaupun Allah sudah tentukan takdir seseorang, manusia sebenarnya diberi peluang untuk mengubah takdir dan Allah sendiri tahu usaha dan doa yang dilakukan oleh hambanya berdasarkan takdir yang telah ditentukanNya. Berat kalau fikirkan hal takdir. Jadi, jangan biarkan diri anda dalam misteri, persiapkan ilmu kerana seseorang hamba itu jika tidak mengenal Allah dengan keimanan, sudah pasti ianya sukar untuk memahami dengan jelas apakah itu ketentuan takdir.

Demikian mukadimah cerita kembara karomah ini. Penulis membahasakan diri 'ana' yang berbunyi gaya sedikit arab. Ana sedar bahawa mereka yang telah melawat ke rumah Allah di tanah suci bukan kerana berkepuhnya ringgit tetapi kerana dijemput Pencipta ke sana. Ana juga tahu ramai sahaja yang kaya raya berjuta wangnya, malah sudah mengelilingi dunia, telah pun melawat destinasi-destinasi mewah tetapi belum terbuka hati untuk menjejak kaki ke tanah suci. Untuk membuka hati bukanlah semudah menghambur serapah 'yar inseng mate kaji semarangg sengg!!' (meminjam jampi pembuka gua oleh seniman P.Ramlee dalam filem 40 penyamun). Tidak juga segampang 'Expecto Patronum' seperti yang dilontarkan kata-kata hikmat oleh kanak-kanak remaja bercermin mata bulat, Harry Potter. Ungkap ahli agama, golongan kaya raya yang belum terniat menjejak kaki ke tanah suci ini sebenarnya belum dijemput Ilahi, ana terkedu. Pada pendapat ana (pendapat peribadi yang tidak minta disokong atau disanggah), walaupun telah dijemput ke sana, belum tentu sepanjang keberadaannya di dua lokasi tanah haram akan membuatkan diri hamba yang dijemput itu suci. Sebaliknya, adakalanya kelakuan jemputan jemaah di tanah air terbawa-bawa dan ditunjukkan di sana. Jadi terpulang kepada pelaku itu sendiri untuk mengambil iktibar, sekiranya jemaah tersebut 'tersedar' dan mengambil iktibar, disinilah terbitnya karomah dalam kembaranya.

Sejarah Bermula Kembara

'Mel, kita p KL naik ETS, pastu ambil bas ke KLIA na..' (baca nada utara) kawan ana menghantar pesanan ringkas WhatsApp (WA) pada awal tahun 2023. 'Mel' adalah panggilan kata ganti diri kedua dan ketiga untuk ana oleh rakan-rakan lama, ana terima saja, ada yang memanggil Melati, ada yang namakan ana Lati, dan yang ramainya Mel, glamour bunyinya!! Bermula daripada pesanan ringkas itulah iaitu pada 9 September, ana, anak ana dan rakan bersama anaknya menaiki ETS ke Kuala Lumpur dan diikuti menaiki bas ke KLIA. Seterusnya kami berempat ditempatkan dalam pesawat Air Asia menuju ke Jeddah, Arab Saudi untuk menunaikan sesi umrah dan ziarah 2023.

Sebaik sahaja menjejakkan kaki (kali ke 2) di salah satu tanah para anbiya, bermulalah episod berhadapan dengan kerenah pegawai berbangsa Arab – baik di kaunter imigresen, sesi penyelenggaraan pengangkutan, pengawal di pintu-pintu masjid, di mataf, hatta di aliran sai'e, bahkan di kilang percetakan Al Quran dan di dataran-dataran kosong yang lengang sekali pun, sosok para pengawal ada di situ. Perbezaan budaya, berlainan tatabahasa, gerak laku dan memek muka para petugas ini memang menuntut kesabaran yang tinggi. Ana lantas teringat baris-baris bahagian terakhir buku sirah yang ana baca sebelum ke tanah suci yang mana ia berpesan secara penulisan bahawa, 'bangsa Arab bukanlah bangsa yang terbaik'. Maafkan ana kalau ada dalam kalangan pembaca yang berketurunan Arab. Setahu ana salah silah keturunan Arab yang bertapak ratusan tahun di Tanah Melayu telah mengadaptasi dan berasimilasi penghidupan mereka dengan jalur dan budaya Tanah Melayu (ketika itu) atau Malaysia (kini).



Madinah: Hijrah Baginda Tercipta Raudah Taman Syurga

Ana hendak menulis ringkas sahaja dalam kembara karomah ini kerana ana percaya, petikan kata cerdik pandai bahawa, lagi banyak kita bercakap lagi banyak kelemahan tersingkap, maka boleh dikaitkan dalam penulisan juga, betul? Ana mengambil peluang kali ini hanya untuk memuatkan dua cerita yang boleh diambil iktibar. Ceritanya bermula begini, setelah kami tiba di Jeddah, kami dimuatkan pula ke dalam sebuah bas menuju ke Madinah Al Mukarramah. Ana suka bumi Madinah. Suasana tenang, banyak gedung-gedung perniagaan, menerima ramai pengunjung dan keselamatan juga terjamin. Benarlah Allah telah memperkenankan doa Nabi Muhammad S.A.W supaya kota Madinah tumbuh bukan sahaja sebagai sebuah tempat suci malah ianya menjadi tumpuan dalam perniagaan.

Madinah merupakan kota suci kedua umat Islam yang dituntut untuk kita menziarahinya. Kota Madinah juga merupakan tempat berhijrah Rasulullah S.A.W, lokasi yang dipilih dan diperintahkan oleh Allah supaya Rasulullah S.A.W berhijrah dan diterima oleh penduduk asal kaum Ansar di Madinah. Madinah juga merupakan kota yang Rasulullah S.A.W cinta kepadanya sebagaimana hadith yang diriwayatkan daripada Aisyah R.Anha, bahawa Rasulullah S.A.W berdoa yang bermaksud: Ya Allah jadikan kami mencintai Madinah, seperti cinta kami kepada Mekkah atau lebihkan lagi dari Mekkah. Ya Allah berkatilah timbangan dan ukuran kami (Riwayat al-Bukhari, 1889).



Suasana hening setelah subuh di persekitaran masjid Nabawi

Tidak perlu rasanya bercerita panjang lebar kerana ana pasti bahawa mereka yang telah ke Madinah juga mengalami pengalaman sepertimana yang ana sebutkan, kerana Allah yang memegang hati hambanya dan Allah lah yang memasukkan rasa cinta kepada sesuatu. Ana akan menulis satu kejadian sahaja di setiap dua kota haram sebagai panduan bakal jemaah yang akan dijemput-Nya kelak. Izinkan ana membawa pembaca kepada kisah yang boleh diambil ibrah, lawatan ke Raudhah. Raudhah adalah sebuah tempat yang lokasinya berada di dalam Masjid Nabawi. Tepatnya, Raudhah berada di antara rumah yang kini merupakan makam Rasulullah S.A.W dan mimbar yang baginda gunakan untuk berdakwah. Luasnya lebih kurang 330 meter persegi. Rasulullah S.A.W bersabda yang ertinya: Tempat yang terletak di antara rumahku dan mimbarku adalah salah satu di antara taman-taman surga.



Dengan itu adalah sunat untuk memperbanyakkan ibadah di Raudhah. Misalnya solat, baik yang wajib mahupun yang sunat, zikir serta iktikaf. Rasulullah S.A.W dalam hadith riwayat Bukhari dan Muslim bersabda yang bermaksud: Satu solat di Masjid Nabawi lebih baik daripada seribu solat ditempat lain, kecuali Masjidil Haram. Dengan itu maka berbondong-bondonglah para jemaah umrah dari serata pelosok dunia merebut peluang untuk menziarahi dan beribadah di Raudhah taman syurga. Bermula daripada berbaris di luar Masjid Nabawi hinggalah menerjah ke dalam Raudhah merupakan satu fenomena yang tak terjangkau dek akal. Sudah tentu sesiapa pun teruja untuk melawat makam Rasulullah dan bermunajat di sana, namun yang menjadi tandatanya ialah kenapa ramai jemaah umrah yang kurang sabar dan tidak mematuhi peraturan. Ramai dalam kalangan jemaah yang memotong barisan, menunjukkan aplikasi nusyuk (kebenaran memasuki Raudhah) yang tidak asli, bertolak-tolak, dan yang paling tragis ialah 'berzikir' seolah-olah dirinya telah memasuki ke dalam dimensi lain.

Masjid Quba, masjid pertama Rasulullah dirikan setelah tiba di kota Madinah, masjid bertiangkan batang pohon kurma. Boleh berjalan kaki dari masjid Nabawi ke Masjid Quba.



Hal ini terjadi kepada ana sendiri. Begini kisahnya, sedang ana ikut berbaris, barisan di sebelah ana terdiri daripada jemaah dari Bangladesh atau India (ana membuat telahan berdasarkan cara berpakaian dan bahasa yang digunakan). Seorang dua jemaah terus-terusan berdoa atau menyanyi-nyanyi kecil dalam bahasanya, ana andaikan mereka sedang memuji-muji dan berdoa kepada Nabi Muhammad S.A.W. Kekhusyukan mereka berzikir terpancar di wajah kedua-duanya seolah-olah mereka berada dalam dunia mereka. Memek muka dan pandangan mata yang begitu asyik dengan bait-bait zikir mungkin membuatkan tubuh mereka juga terikut-ikut rentak ayat-ayat lontaran di bibir kedua-duanya. Dalam keadaan berhimpit-himpit sudah tentu adakalanya tubuh mereka tersentuh mengenai tangan dan bahu ana. Ana biarkan kerana, iyalah semua jemaah yang hadir di situ pada saat dan ketika itu, termasuk diri ana mempunyai tujuan yang satu, iaitu untuk melawat makam baginda dan bermunajat. Walaubagaimanapun, keadaan sedikit demi sedikit menjadi bertambah kurang nyaman apabila lontaran zikir semakin kuat (ana tak dapat tangkap butiran ayat kecuali nama baginda disebut dalam ritual tersebut) dan ayunan badan pembaca ritual juga semakin kuat. Tidak semena-mena berlaku rempuhan dari barisan jemaah tersebut yang mana pembaca zikir tadi turut menolak-nolak badan ana. Sudah tentu ana rasa kurang selesa. Hendak menegur ana tahu pasti berhadapan masalah bahasa, hendak didiamkan seolah-oleh membenarkan aksi tolak-menolak tersebut.

Akhirnya, baru ana hendak membuka mulut dan bersedia nak mengaksikan bahasa isyarat, anak ana yang beratur di hadapan berkata 'ma don't respond, they are not themselves anymore'. Ana faham maksud 'amaran' anak dan terus mendiamkan diri. Nak dijadikan cerita, pembaca ritual tersebut terpancang wajah ana dan faham akan ketidakselesaan yang ana hadapi atas kejadian himpitan tersebut. Lantas wanita tersebut terus memegang dagu ana dengan ibu jari dan jari telunjuknya (gaya dalam filem hindi) sambil geleng-geleng kepala seolah-olah memohon maaf atau lebih tepat lagi 'sikit sahaja tersentuh, tidak mengapa ya', manakala bibirnya tidak henti-henti terkumat-kamit berzikir. Ana terkedu, dan tidak mahu ianya berpanjangan, ana lontarkan pandangan ke arah lain, seolah-olah tiada apa-apa yang berlaku.

Ana sedar kerana ana pernah melihat kejadian yang lebih agresif oleh jemaah dari negeri yang mungkin sama dengan pembaca zikir semasa lawatan pertama kali ke Raudah. Jadi, untuk mengelak daripada berlakunya perkara yang lebih buruk atau perkara-perkara remeh yang tidak diinginkan, ana tidak bertindak balas dan sedaya mungkin cuba menjauhi mereka. Mana mungkin ada jarak selamat antara ana dan mereka kerana kami berbaris bersebelahan, maka ana hanya mampu berdoa agar kami terpisah di bahagian pintu masuk atau apa-apa sahaja yang memungkin jarak terbentuk di antara kami. Alhamdulillah, akhirnya barisan jemaah dari Malaysia dipanggil masuk dahulu ke perkarangan Raudah.

Sa'ei

Tahukah anda bahawa Saidatina Siti Hajar merupakan insan pertama mengerjakan Sa'ie dan Nabi Ismail pula adalah manusia pertama meminum air zam-zam. Sa'ie ialah perbuatan berjalan berulang-alik sebanyak tujuh kali di antara Bukit Safa dan Bukit Marwah dengan syarat-syaratnya. Jarak antara kedua-dua bukit tersebut adalah lebih kurang 420 meter. Ianya merupakan salah satu rukun dalam ibadah Umrah dan Haji. Seseorang tidak boleh membuka ihramnya selagi belum menyelesaikan Sa'ie.

Dua bukit Safa dan Marwah mengingatkan nostalgia lama bagaimana Saidatina Hajar iaitu ibu Nabi Ismail berulang alik antara kedua-duanya mencari air untuk anaknya selepas ditinggalkan Nabi Ibrahim di sisi Baitullah al-Haram. Di sinilah ucapan Saidatina Hajar yang masyhur. Kepada siapa kamu serahkan kami, adakah Allah yang perintahkan kamu demikian itu? Lantas jawab Nabi Ibrahim: Ya. Dengan penuh yakin. Isteri solehah berkata: Kalau begitu Allah S.W.T tidak akan mengabaikan kami.



Sejarah Berhala di Safa dan Marwah Sebelum Kedatangan Islam

Berhala Asaf terletak di atas bukit Safa, dan berhala Na`ilah terletak di atas Bukit Marwah. Mereka (orang-orang Arab di zaman jahiliah) menyentuh berhala-berhala itu dengan tangan mereka. Oleh sebab itulah (selepas kedatangan Islam) mereka merasa segan mengelilingi di antara kedua bukit itu lalu turun ayat yang bermaksud: Sesungguhnya Bukit al-Safa dan al-Marwah itu adalah dari syiar-syiar Allah. Oleh itu, sesiapa yang mengerjakan haji atau mengerjakan umrah, maka tiada apa-apa kesalahan baginya untuk berkeliling pada keduanya dan sesiapa yang mengerjakan dengan sukarela amalan yang baik, maka sesungguhnya Allah berterima kasih¹ dan Maha Mengetahui. (al-Baqarah: 158)

Setelah didedahkan kepada sejarah ibadah Sa'ie secara ringkas, berikut disertakan juga secara ringkas mengenai pengalaman ana sewaktu mengerjakan ibadah tersebut. Sepanjang menjalankan Sa'ei, buku kecil yang terkandung doa-doa ringkas tergeggam erat. Maklumlah mana mungkin ana menghafal semua doa dalam masa yang singkat sedangkan doa-doa tersebut khusus dibaca ditempat tertentu dalam waktu tertentu semasa mengerjakan ibadah tertentu. Jadi, buku doa kecil menjadi rakan akrab ana sepanjang berSa'ei.

Do You Speak English

Setelah memasuki pusingan ketiga, selepas melepasi bukit Marwah dan sebelum menjejaki laluan lampu hijau, seperti pusingan-pusingan lainnya, ana dan anak terus berselawat atau membaca doa-doa amalan harian yang ringkas. Tiba-tiba rentak Sa'ie ana terganggu dengan satu sapaan berhemah. 'Do You Speak English?', sapa wanita muda yang jelita parasnya di mata ana. Kulitnya putih mulus, wajahnya bagaikan patung, hidung mancung bermata coklat, rambut keritingnya sedikit terdedah di bahagian dahi yang menambah keelokan rupanya. Anak yang berjalan di sebelah ana juga seakan memperlambatkan langkah mengamati soalan yang diajukan oleh wanita muda tadi.



Bergambar setelah berjaya menyentuh Ka'bah, semestinya setelah selesai tawaf sunat. Tutup muka hamba Allah sebab tanpa kebenaran.

Agak lambat untuk kami berdua menjawab sapaan lembut tersebut, 'Er, yeah we do understand English', balas kami. Wanita muda tersebut menyusun soalan kedua, 'Where are you from', ana menjawab dengan polos, Malaysia. Terus ana mengusulkan soalan yang sama terhadap wanita tersebut dan jawabnya 'Kashmir'. Mendengar nama negeri tersebut ana menjadi lebih tertarik untuk mengetahui lebih lanjut kerana Kashmir merupakan salah sebuah destinasi impian ana untuk dilawati. 'Kashmir is a nice country' ujar ana dan dibalas dengan anggukan dan senyuman menarik tapi kurang bersungguh daripada wanita tadi. Sambungnya setelah diberi ruang untuk bercakap, 'I have a problem, my brother (ditunjukkan kepada seorang lelaki disebelahnya yang sedang menggondong bayi perempuan dalam lingkungan usia 9 bulan yang sedang tidur), want to touch hajarul aswad'. Ana dan anak ana mendengar dengan teliti kerana English wanita muda tersebut boleh difahami tetapi tidaklah begitu tersusun. 'Ok, then...' pintas ana. 'We don't have money, may....', entah dari mana datang fikiran dan tenaga, ana dengan spontan menarik tangan anak dan mengorak langkah dengan cepat melewati kawasan lampu hijau Sa'ie sambil menbalas dengan suara yang agak kuat 'No! We don't have money too, no we can't help'.

Ana berharap suara ana dapat didengari oleh jemaah sekitar dan sekurang-kurangnya mereka berusaha untuk lebih berhati-hati. Walau bagaimanapun ana perhatikan jemaah sekeliling tidak ambil peduli kerana masing-masing sedang memberi sepenuh perhatian kepada ibadah yang sedang dijalankan. Betulkah? Kalau betul semua sedang beribadah, bukankah wanita muda dan lelaki di sebelahnya yang menggondong bayi juga sedang beribadah? Terpana dengan kejadian tersebut maka satu pengajaran yang dapat ana kutip dari kejadian 'Do you speak English' ialah Allah memilih hambanya dalam penyampaian maklumat tertentu. Pada ana, jangan terlalu mudah mempercayai sesiapa sahaja walaupun ketika berada di rumah Allah.



Diringkaskan cerita, ibadah Sa'ei ana lengkap diakhiri dengan bertahlul. Malam tersebut sambil berehat sebelum terlelap anak ana sempat mengamati aplikasi tik-tok tentang perkara yang perlu diberi perhatian dan berhati-hati ketika di tanah suci kerana lambakan scammer yang bijak mengatur strategi. Terlintas di skrin telefon bimbitnya 'Do you speak English'. kami berdua ketawa serentak mengenangkan kejadian di siang hari. Walaupun ada lagi beberapa kejadian yang boleh diambil iktibar tetapi ana tidak muatkan di sini. Yang penting luruskan niat bulatkan tekad lakukan yang wajib dan sunat dan pulang ke tanah air dengan selamat. Boleh dikatakan kembara ana kali ini lebih diwarnai dengan kisah-kisah kehidupan di sekitar dua tanah suci, Madinah dan Mekkah. Antaranya peminta sedekah kanak-kanak, jurujual yang memaksa, pemandu yang kurang berhemah, jemaah tidur nyenyak waktu solat sebaliknya bangun segar bugar dan berbual sebaik sahaja semua jemaah selesai memberi salam dan banyak lagi. Kesemua kejadian yang dianggap mustahil boleh sahaja berlaku dengan kehendak Allah. Setiap satunya ada hikmah yang boleh difikirkan bagi mereka yang diberi kesempatan untuk melalui pengalaman-pengalaman ringan tetapi banyak pengajaran. Selamat tinggal bumi Allah tercinta, moga ana dijemput-Nya ke sana semula, Amiin.



Ana merenung ke tapak telaga yang mana dikatakan cincin Saidina Usman RA terjatuh ke dalamnya dan tidak dapat dijumpai (perkarangan masjid Quba).

Nota1 : Di sini kata-kata ini menyarankan satu adab sopan yang wajib yang harus wujud dari hamba terhadap Allah, kerana jika Allah berterima kasih kepada hamba-Nya kerana perbuatannya yang baik, maka apakah pula yang harus dibuat oleh seseorang hamba menunaikan kewajipan bersyukur terhadap Allah?

Rujukan

Dariyanto, E. (2019, 19 Dis). Keutamaan Raudhah, Taman Syurga Tempat Mustajabnya Doa. DetikNews.:<https://news.detik.com/berita/d-4828661/keutamaan-raudhah-taman-surga-tempat-mustajabnya-doa>

Zulkifli, M.A. (2023, 23 Julai). Kenapa Rasulullah Memilih Madinah Sebagai Tempat berhijrah? Sirah dan Sejarah.:<https://maktabahalbakri.com/2405-kenapa-rasulullah-saw-memilih-kota-madinah-sebagai-tempat-berhijrah/>

Zulkifli, M.A. (2017, 8 Sep). Ibadat Saie Sempena Memperingati Kisah Siti Hajar. Sirah Nabi. :<https://sirahnabi-nabi.blogspot.com/2017/09/ibadat-saie-sempena-memperingati-kisah.html>



Berlatarkan rumah kelahiran Rasulullah (kini dijadikan perpustakaan yang sederhana sahaja), bersebelahan bukit Safa Warwah

